

**PENCETAK BRAILLE MUDAH ALIH**



**LAPORAN PENYELIDIKAN**

**KURSUS IDH317 / DIPLOMA PROJECT 1  
DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA (SENI REKA PERINDUSTRIAN)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KEDAH, KAMPUS SUNGAI PETANI  
PETI SURAT 187, 08400 MERBOK, KEDAH DARUL AMAN, MALAYSIA**

**OLEH:**

**MAZIAH BT ABD RAHMAN  
2003418431**

**JULAI 2005**

## **THE DECLARATION**

### **Declaration**

I hereby declare that the work contained in this report proposal is my own except those which have been duly identified and acknowledged. If I am later found to have plagiarized or to have committed other forms of academic dishonesty, action can be taken against me under the Academic Regulations of UiTM's.

Signed,

-----

Name: Maziah Bt Abo Rahman

Matric No: 2003418431

## ISI KANDUNGAN

|                               | <b>Halaman</b> |
|-------------------------------|----------------|
| Surat Penyelidikan            | ii             |
| Surat Penyerahan Laporan      | iii            |
| Daftar Ahli Penyelidik        | iv             |
| Penghargaan                   | v              |
| Isi Kandungan                 | vi             |
| Senarai Carta                 | ix             |
| Senarai Jadual                | xii            |
| Senarai Rajah                 | xiii           |
| Senarai Gambar                | xiv            |
| Senarai Lampiran              | xvi            |
| Abstrak                       | xvii           |
| <br>                          |                |
| <b>BAB 1      PENDAHULUAN</b> |                |
| 1.1 Abstrak                   | 1              |
| 1.2 Objektif                  | 3              |
| 1.3 Definisi Pengukuran       | 5              |
| 1.4 Penyataan Masalah         | 6              |
| 1.5 Skop Kajian               | 7              |
| 1.6 Reka bentuk Teori         | 8              |
| 1.7 Organisasi kajian         | 9              |

|              |  |    |
|--------------|--|----|
| <b>BAB 2</b> | <b>KAJIAN LITERATUR</b>                        |    |
|              | 2.1 Pengenalan                                 | 10 |
|              | 2.2 Status Kajian                              | 10 |
|              | 2.3 Kajian Lepas                               | 12 |
| <b>BAB 3</b> | <b>METODOLOGI KAJIAN</b>                       |    |
|              | 3.1 Pengenalan                                 | 13 |
|              | 3.2 Kaedah Penyelidikan                        | 13 |
|              | 3.3 Data Prima                                 | 14 |
|              | 3.3.1 Soalselidik                              | 14 |
|              | 3.3.2 Temubual                                 | 16 |
|              | 3.4 Data Skunder                               | 17 |
|              | 3.4.1 Perpustakaan                             | 17 |
|              | 3.4.2 Internet                                 | 18 |
|              | 3.4.3 Lain-lain                                | 19 |
|              | 3.5 Teknik Analisa Data                        | 19 |
| <b>BAB 4</b> | <b>LATAR BELAKANG RESPONDEN</b>                |    |
|              | 4.1 Pengenalan                                 | 20 |
|              | 4.2 Demografi                                  | 20 |
|              | 4.3 Latar Belakang Responden Bagi Soal selidik | 20 |
|              | 4.4 Latar Belakang Responden Bagi Temu bual    | 22 |
| <b>BAB 5</b> | <b>HASIL KAJIAN</b>                            |    |
|              | 5.1 Pengenalan                                 | 24 |

# **BAB 1 PENDAHULUAN**

## **1.1 ABSTRAK**

Dalam era moden masa kini, pelbagai kemudahan sains dan teknologi telah dibangunkan. Sains dan teknologi ini telah memberikan satu impak baru kepada kehidupan seharian. Kehidupan yang selesa dan lebih memudahkan manusia dalam memgejar arus kemodenan. Namun begitu masih lagi terdapat segelintir golongan yang disisihkan serta tidak diberikan perhatian khusus dalam mereka meniti kemodenan sains dan teknologi yang global.

Golongan cacat penglihatan misalnya haruslah diberikan pendekatan dan peluang yang khusus sepertimana insan normal yang lain. Ketidakadilan dalam menyisihkan mereka dari arus kemodenan dan pembaharuan adalah satu kemajuan negara yang tidak menyeluruh secara global. Penggunaan system tulisan Braille bagi golongan cacat penglihatan memberikan peluang kepada golongan sasaran ini berkomunikasi secara penulisan, namun begitu sistem pencetak Braille menjadi satu permasalahan kepada golongan sasaran. Ini kerana, tiadanya kepelbagaian dari segi saiz samaada khusus kepada kanak-kanak mahupun golongan dewasa. Keberatan pencetak tulisan Braille juga tidak sesuai bagi semua golongan. Dimana bagi bagi sesebuah pencetak Braille mempunyai keberatan melebihi 4 kilogram. Ini menyukarkan golongan sasaran untuk membawa ia ke satu tempat yang lain. Bentuk luaran dan material yang digunakan juga tidak bersesuaian dan memberikan masalah kepada pengguna sasaran iaitu golongan cacat penglihatan.

Konklusinya, projek reka bentuk yang akan dilakukan perlulah merangkumi aspek baik pulih fungsi dan rupa bentuk pencetak Braille bagi golongan cacat penglihatan. Ciri-ciri reka bentuk yang akan dihasilkan mestilah mengaplikasikan aspek - aspek ergonomik, multifungsi dan mempunyai nilai-nilai estetik.